



NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU DARUL IMAN GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 72

3hb Januari 2019

No. 1

No. 1.

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
(TERENGGANU) 1422H/2001M

(Akta 56 tahun 1965)

FATWA DIBAWAH SEKSYEN 49

MENURUT seksyen 49 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422H/2001M [En.Tr.2/2001], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Terengganu, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 50(6) Enakmen itu

JADUAL

AJARAN ISMAIL BIN AWANG MOHD SIDEK

Ajaran Ismail bin Awang Mohd Sidek.

Bahawasanya:-

Amalan serta ajaran yang dibawa oleh Ismail bin Awang Mohd Sidek adalah bercanggah dengan akidah Ahli Sunnah wal Jamaah dan menyalahi syariat Islam. Antaranya ialah mengandungi elemen-elemen seperti berikut:

- 1) Mendakwa kalimah syahadah yang diterima terus daripada Allah s.w.t.
- 2) Kalimah ‘Muhammad’ dalam kalimah syahadah adalah merujuk kepada dirinya iaitu Ismail bin Awang Mohd Sidek.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

2

[3hb Jan. 2019]

- 3) Menyeleweng dan mengelirukan masyarakat berkaitan akidah dengan pegangan seperti:
 - a) Allah s.w.t. berhasrat dan berhajat kepada penciptaan makhlukNya;
 - b) Allah s.w.t. pernah tidak bernama Allah sebelum ilmu ini yang dikenali sebagai ilmu tua sehari dari Allah; dan
 - c) ilmu Martabat Alam Tujuh yang mengandungi unsur-unsur persamaan dengan Buku Hakikat Insan.
- 4) Menyeleweng dan mengelirukan masyarakat dalam memahami perkara-perkara berkaitan Fiqh Ibadah seperti:
 - a) mendakwa asal usul sembahyang adalah dari perkataan ‘Alhamdu’;
 - b) makmum sembahyang fardu boleh ikut imam solat jenazah;
 - c) sujud sahwai satu kali sahaja sunat dilakukan selepas tahiyat akhir sebelum atau selepas salam; dan
 - d) dibolehkan nikah batin antara lelaki dan perempuan sebagaimana berikut:
 - i. lelaki hak ar-Rahman (mengeluarkan berjuta-juta sperma);
 - ii. perempuan hak ar-Rahim (memilih beberapa benih sahaja);
 - iii. wali (Allah s.w.t.);
 - iv. saksi (Malaikat Rakib dan Atid);
 - v. ijab Qabul (jimak yang bersyarat); dan
 - vi. mahar (kelazatan suami dan isteri).
- 5) Ajaran silat yang dibawa oleh Ismail bin Awang Mohd Sidek menyalahi syariat Islam kerana setiap anak muridnya dikehendaki mengamalkan satu ritual membuka langkah silat dan membaca beberapa ayat yang dikatakan ‘ilmu haq’ jika ingin beramal di rumah tanpa kehadiran Ismail bin Awang Mohd Sidek. Ilmu silat Ismail bin Awang Mohd Sidek ini diambil dari Tok Ayah Hassan (Hasan Anak Rimau).
- 6) Risalah atau pengajaran Ismail bin Awang Mohd Sidek mempunyai persamaan dengan buku Hakikat Insan karangan Haji Ahmad Laksamana bin Omar yang telah diharamkan oleh Kementerian Dalam Negeri pada 5 November 1992.
- 7) Orang Islam di Negeri Terengganu hendaklah menjauhi amalan ini dan haram berpegang serta beramal dengannya. Mana-mana orang Islam di Negeri Terengganu yang telah mengamalkan amalan ini hendaklah segera bertaubat kepada Allah s.w.t.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

3hb Jan. 2019]

3

- 8) Mana-mana orang Islam di Negeri Terengganu yang melakukan perkara-perkara di atas adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan di bawah undang-undang yang berkuatkuasa di Negeri Terengganu.

Keputusan ini dibuat berdasarkan Kitab Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Maani Alfaz al-Minhaj, jilid 1, muka surat 295, 485-486, 570, jilid 2, muka surat 229, Kitab Fiqh as-Sunnah, jilid 1, muka surat 190 dan Mukhtasar Tafsir Ibnu Kathir, jilid 3, muka surat 100.

Bertarikh 7 Oktober 2018
[JMN.TR.(S)610/2/3/1BHG.2(12)]

Dengan Titah Perintah,

DATO' DR. HAJI ZULKIFLY BIN HAJI MUDA
Mufti Negeri Terengganu

اینکمن فنتبیرن حال احوال اکام اسلام
(ترغّانو)1422/2001M

فتوى دباؤه سیکشن 49

منوروت سیکشن 49 اینکمن فنتبیرن حال احوال اکام اسلام (ترغّانو) 1422H/2001M [En.Tr.2/2001] ، جاوتکواس فتوى باڭي نئرى ترغّانو، اتس قىيىتە دولى يېڭىمها مليا سلطان مېڈياڭ فتوى يېڭى دېپاتاڭ دالىم جدوال دان دىياركىن منوروت سبسىكشن (6) 50 اينکمن ايت.

جدوال

اجرن إسماعيل بن اوغ محمد صديق

اجرن إسماعيل بن اوغ محمد صديق.
بهاو اساڭ ؟

عمالن سرتا اجرن يېڭى دباؤا اولىيە إسماعيل بن اوغ محمد صديق ادالله بىرچىڭە دەڭن عقيدة اھلى سنه و الجماعە دان مېلەھى شريعة إسلام. انتاراش اىالله مغاندو غى ايلىمن ۲ سەرتى برايىكوت:

1. مندوا كليمە شهادە يېڭى دىرىيما ترس دىرىيما ترس درف الله سبحانه وتعالى.

2. كلمة "محمد" دالىم كليمە شهادة ادالله مرجوجع كەدد دىرىيىن ياءعىت إسماعيل بن اوغ محمد صديق.

3. مېلیویغ دان مغليروکن مشارکت برکاءيتن عقيدة دغۇن ۋىگاڭن سفترتى:

٤. ميليوچ دان مغلىروكن مشاركت دالم مهمى فركار ٢١ بركاءيتن فقه عبادة سفترتى:

- (a) مندعوا اصل اصول سمبهیغ اداله دری ڦرکاتاعن 'الحمد'؛

(b) ماموم سمبهیغ فرض بولیه ایکوت امام صلاة جنازه؛

(c) سجود سهوی ساتو کالی سهاج سنہ دلاکون سلفس تحیۃ اخیر سبلوم اتاو سلفس سلام؛ دان

(d) دبوليئکن نکاح باطن انثارا للاکي دان ڦرمقوان سپاکایمان بريکوت:

- | | |
|-------|---|
| .i. | للاكي حق الرحمن (مغلوارکن برجوتا جو تا سفرما)؛ |
| .ii. | فُرْمَوْنَ حَقُّ الرَّحِيمِ (ممیلیه ببراف بنیه سهاج)؛ |
| .iii. | ولي (الله سبحانه و تعالیٰ)؛ |
| .iv. | سقسي (ملائكة رقيب دان عتید)؛ دان |
| .v. | ایجاب قبول (جماع بیع برشرط)؛ دان |
| .vi. | مهر (کلادتن سوامی دان ایستری). |

۵. اجرن سیلت یئے دیباوا اولیه إسماعیل بن اوغ محمد صدیق مپالہی شریعة إسلام کران ستیاف انق موریدن دکھنکی مفعملکن ساتو رینتوال مبیوک لغکه سیلت دان ممباچ بیراف ایات یئے دکاتاکن 'علمو حق، جک ایشین بر عمل درومہ تنقا کھاضبرین إسماعیل بن اوغ محمد صدیق۔ علوم سیلت إسماعیل بن اوغ محمد صدیق این دامبیل دری توک ایه حسن (حسن انق ریماو)۔

6. رساله اتاو ٿڳاچرن إسماعيل بن اوڻ محمد صديق ممفويپائي ڦرسامان دعٽن بوکو حقیقة انسان کار ٿن حاج احمد لقسان بن عمر يڻ تله دحرامکن او ليه ڪمترین دالم نگري ڦد 5 نومبر 1992.

۷- اور غیاث الدین نکری تر غنکانو هندقله منجاعو هي عملن این دان حرام بر فکح سرتا بر عمل دغنه.
مان ۲ اور غیاث الدین نکری تر غنکانو يع تله مفعملکن عملن این هندقله سکرا بر توبه کفدا الله سبحانه
و تعالی

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

3hb Jan. 2019]

5

8. مان ۲ اور ۸ إسلام دنگري تر غڪانو يڻ ملاڪوکن ڦرڪار ۲۱ دائس اداله ملاڪوکن سواتو کسالهن دان بوليه دامبيل تيندقن دباوه اوندڻ ۲ يڻ برڪوانکواسا دنگري تر غڪانو.

ڪٿوتوسن اين ديوات بردارن كتاب مغنى المحتاج إلى معرفة معاني الألفاظ المنهاج، جيليد 1، موک سورت 295، 486-485، 570، جيليد 2، موک سورت 229، كتاب فقه السنة، جيليد 1، موک سورت 190 دان مختصر تفسير ابن كثير، جيليد 3، موک سورت 100.

برتاريڪ 7 اوكتوبر 2018

JMN.TR.(S)610/2/3/1BHG.2(12)

دعنٰ تيته ڦريته،

داتوء دكتور حاج ذوالكفلی بن حاج مودا
مفتي نگري تر غڪانو

No. 2.

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

PELANTIKAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT UNDER PRAGRAPH 12(1)(b)

PEMBETULAN

CORRIGENDUM

DALAM Warta Kerajaan Negeri Terengganu Darul Iman Jil 71 yang disiarkan pada 18 Januari 2018 Pemberitahuan No. 22 adalah dipinda seperti yang berikut:

Pindaan Jadual

2. Jadual dipinda dengan menggantikan tarikh perlantikan “1.12.2016” kepada “4.12.2016” bagi nama YM. Tengku Iskandar Zulkarnain bin Tengku Abdul Malek.
3. Jadual dipinda dengan menggantikan nama “YM. Tengku Iskandar Zulkarnain bin Tengku Abdul Malek” kepada “Tengku Iskandar Zulkarnain bin Tengku Abdul Malek”.

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

6

[3hb Jan. 2019]

In the State *Gazette* of State Terengganu Darul Iman Jil 71 published on 18 January 2018 Notification No. 22 is amended as follows:

Amendment of Schedule

2. The schedule is amended by substituting for the date of appointment of “1.12.2016” to “4.12.2016” for name YM. Tengku Iskandar Zulkarnain bin Tengku Abdul Malek.
3. The table is amended by substituting the name “YM Tengku Iskandar Zulkarnain bin Tengku Abdul Malek” to “Tengku Iskandar Zulkarnain bin Tengku Abdul Malek”.

Bertarikh 11 Disember 2018
Dated 11 December 2018
[PTG. TR. 00/02/2018/03/01;
PUN.TR.70/1 Jld.11 (103)]

ZULKIFLY BIN ISA
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Terengganu /
Secretary of the State Executive Council
of Terengganu

No. 3.

(Seksyen 168)

NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELOUARKAN HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Iaitu Wan Zulkifli bin Wan Zin @ Wan Ibrahim, K/P. 850425-11-5171 yang beralamat di No. 134, Taman Desa Putra, Kampung Banggol Tuan Muda, Manir, 21200 Kuala Terengganu telah membuat akuan bahawa hakmilik yang dikeluarkan sebagaimana Jadual di bawah telah hilang.

JADUAL

Mukim—Manir. No. P.T—1494 P. Jenis dan No. Hakmilik—H.S.(D) 4147.
Luas—111 meter persegi.

Bertarikh 10 Disember 2018
[PTG. TR. 05/55/2018/B/009]

ERMA SUZIA BINTI ABD. RAHMAN
Pendaftar Hakmilik
Terengganu

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

3hb Jan. 2019]

7

No. 4.

(Perenggan 261(1)(c))

SAMAN

Di Pejabat Tanah, Dungun dalam Negeri Terengganu.

DI ANTARA

Public Islamic Bank Berhad

PEMEGANG GADAIAN

DAN

Razak bin Ngah

PENGGADAI

Kepada Razak bin Ngah, K/P. 631024-11-5111 yang beralamat di No. 960-F, Gelugor Kedai, 20050 Kuala Terengganu, Terengganu.

Ambil perhatian bahawasanya pemegang gadaian ke atas tanah, tanah-tanah* yang tersebut dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya perintah jualan dikeluarkan ke atas tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 18 Februari 2019 (Isnin) pukul 10.00 pagi di Bilik Penolong Pentadbir Tanah (Pendaftaran), Pejabat Tanah Dungun. Tuan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan perintah jualan dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah* tersebut di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara, 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kuala Dungun. No. Lot—71925. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 10885. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian(jika ada)—No. Perserahan 2796/2016.

Bertarikh 13 Disember 2018
[PTD/06/53/2018/0039 (2b)]

ROSNADHIRAH BINTI RAMLI
*b.p. Pentadbir Tanah
Dungun*

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

8

[3hb Jan. 2019]

No. 5.

NOTIS AM

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Adib Hakimi bin Ahmad, No. K.P. 790912-11-5599 yang beralamat di 1620, Jalan Mawar 18, Taman Permintaan Jaya, 21080 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman dan/atau Lot 8228, Taman Batu 5, Jalan Taman Delima 2, 23000 Dungun, Terengganu Darul Iman, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bangunan yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahwasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kemungkiran kamu membuat bayaran ansuran bulanan secara teratur kepada Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat: 98127-X) berkaitan dengan Kemudahan Pembiayaan Pembelian Rumah Hartanah-i (Tawarrug). Jumlah bayaran tertunggak setakat 3 September 2018 adalah sebanyak RM8,641.70. Baki keseluruhan pembiayaan setakat 3 September 2018 adalah sebanyak RM1,822,902.08.

Dan bahwasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sura. No. Lot—8228. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 6906. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 2263/2015 Tarikh: 28/07/2015.

Bertarikh 23 September 2018
[Ruj. Fail: 73.8071248.BIMB/2(F)]

ISMAIL BIN SULONG
No. K.P. 701216-11-5037
Pewakil kuasa bagi
Bank Islam Malaysia Berhad

WARTA KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

3hb Jan. 2019]

9

No. 6.

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAIN

Kepada Muhsein bin Mohamad, No. K.P. 701005-11-5045/A1612422 yang beralamat di 3796, Jalan Masjid Baru, Kampung Sura Tengah, 23000 Dungun, Terengganu Darul Iman, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bangunan yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahwasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kemungkiran kamu membuat bayaran ansuran bulanan secara teratur kepada Bank Islam Malaysia Berhad (No. Syarikat: 98127-X) berkaitan dengan jumlah Pembiayaan Semula Hartanah-i (Tawarruq). Jumlah bayaran tertungggak setakat 8 September 2018 adalah sebanyak RM6,614.83. Baki keseluruhan pembiayaan kamu setakat 8 September 2018 adalah sebanyak RM457,811.22.

Dan bahwasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh Seksyen 254 Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Sura. No. Lot—3796. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2252. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Perserahan 3313/2013 Tarikh: 21/11/2013.

Bertarikh 25 September 2018
[Ruj. Fail: 73.17101289.BIMB/2(F)]

ISMAIL BIN SULONG
No. K.P. 701216-11-5037
Pewakil kuasa bagi
Bank Islam Malaysia Berhad

Hak Cipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA